



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

1 NOVEMBER 2023 (RABU)

Harga Ayam Dijangka Kekal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	1	1 Nov

Walaupun subsidi ditamatkan, bekalan stabil dan mencukupi

Harga ayam dijangka kekal

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **NURUL IRDINA SUMALIH**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Keputusan kerajaan menamatkan subsidi dan harga kawalan bagi ayam sepe-
nuhnya bermula hari ini diramal
tidak akan menyebabkan harga
meningkat dengan mendadak.
Ini kerana bekalan ayam se-
masa adalah stabil dan keputu-

san mengapungkan harga ayam
akan membolehkan kumpulan
penternak bersaing dan berino-
vasi untuk memastikan harga
ayam tidak terlalu mahal tetapi
mereka tetap dapat keuntungan
maksimum.

Bercakap kepada *Utusan*
Malaysia, Pengerusi Pentermak
Ayam Negeri Selangor (PPANS),
Idrus Zainal Abidin berkata,
pengapungan harga ayam itu

tetap perlu dilaksanakan bagi
mengawal ketirisan subsidi yang
dihadapi sekarang.

"Pengapungan harga ayam
ini perlu dibebaskan, biar kan
harganya balik kepada asal.
Tidak perlu risau dengan kenai-
kan harga ayam, sebab semua
akan bergantung kepada pasa-
ran," katanya ketika dihubungi
semalam.

Pengarah Institut Pertanian

Tropika dan Sekuriti Makanan
(ITAFoS), Universiti Putra Ma-
laysia (UPM), Prof. Datuk Dr.
Zulkifli Idrus pula berkata, kri-
sis ketiadaan bekalan ayam se-
belum ini berpunca daripada
penetapan harga siling.

Menurut beliau, penetapan
harga itu menyebabkan banyak
pentermak tidak dapat meraih
keuntungan ekoran kenaikan
harga operasi sehingga memak-

sa mereka 'gulung tikar' lalu
memberi kesan pada pasaran.

"Sekarang ini saya percaya
apabila tiadanya harga siling,
saya yakin tidak ada isu dengan
bekalan ayam. Sebab sebelum ni
disebabkan keuntungan diper-
oleh sangat sedikit, ada penter-
mak kecil-kecilan terpaksa tutup
ladang.

Bersambung di muka 2

Harga Ayam Dijangka Kekal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	2	1 Nov

Harga ayam dijangka kekal

Dari muka 1

"Jadi apabila tiada lagi kawalan harga tersebut, saya percaya tidak timbul isu mengenai bekalan bahan makanan utama tersebut. Ini kebaikan daripada keputusan kerajaan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, kerajaan mengambil keputusan itu kerana ia dilihat selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa.

Namun, subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C tetap diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Bagaimanapun, Dr. Zulkifli berkata, wujud kebimbangan sekiranya harga ayam naik dengan mendadak lalu memberi kesan kepada pengguna susulan harga bagi bahan makanan tersebut tidak lagi dikawal oleh kerajaan.

"Sebab sekarang harga input sudah kurang iaitu harga kacang soya sudah mula turun jadi saya percaya harga tidak akan naik dengan mendadak tetapi sekiranya berlaku oleh kerana kos pengeluaran meningkat, saya cadang kita beri bantuan bersasar pada pengguna."

"Iaitu lebih satu harga yang mungkin nanti kerajaan boleh tentukan, kerajaan boleh beri bantuan bersasar tersebut contohnya pada kumpulan B40," katanya.

Sementara itu, Felo Perunding, Laboratori Kajian Polisi Pertanian dan Makanan, UPM, Prof. Datin Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata,



SEBAHAGIAN daripada peniaga ayam di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUTRA HAIRRY ROSLI

keputusan tersebut akan membolehkan kumpulan penternak bersaing dan berinovasi untuk memastikan harga ayam tidak terlalu mahal tetapi mereka tetap mendapat keuntungan maksimum.

"Ini akan menggalakkan industri ayam negara kita berkembang dengan lebih maju, malah akan membantu jumlah pengusaha-pengusaha kecil semakin ramai lalu membantu industri tersebut menjadi lebih dinamik," katanya.

Dr. Fatimah berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) perlu bertindak proaktif dengan memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan terhadap keputusan tersebut dengan menaikkan harga dengan terlalu mendadak.

Katanya, kerajaan juga perlu merencanakan platform rangkaian bekalan digital bagi memastikan pemain-pemain utama dalam sekuriti makanan negara dapat berkembang dan

meneroka perkara baharu.

"Kita boleh hasilkan sebuah aplikasi atau web untuk mereka, jadi sudah pasti mereka seronok kerana ada pasaran baharu untuk mereka jual hasil pengeluaran mereka. Jangan beri pada pihak ketiga kerana keuntungan untuk golongan petani dan penternak ni akan berkurangan," ujarnya.

Bagaimanapun, ramai juga yang menyatakan kebimbangan langkah kerajaan itu akan menyebabkan kenaikan harga ayam di pasaran.

Peniaga ayam di Kuala Terengganu, Abdul Rashid Abdullah pula berkata, kebanyakan peniaga telah dimaklumkan oleh pemborong mengenai kemungkinan berlaku kenaikan harga ayam segar bermula 1 November ini.

"Saya difahamkan harga ayam dijangka meningkat sehingga RM2 sekilogram selepas ini berikutan keputusan menamatkan subsidi ayam," ujarnya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	6	1 Nov

Pengeluaran ayam dijangka menyusut

Oleh JAMILIAH ABDULLAH
 utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Bekalan ayam dijangka berkurangan dalam tempoh sebulan akan datang ekoran tindakan penternak mengambil sikap berhati-hati untuk membawa masuk anak ayam ke ladang masing-masing susulan langkah kerajaan mengapung-kan harga sumber protein itu.

Pengarah Urusan Ayam Bismi Sdn. Bhd. (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin yang juga penternak berkata, situasi itu berkemungkinan berlaku awal Disember ini kerana penternak kecil dan sederhana masih bergelut dengan kos ternakan yang tinggi.

Katanya, meskipun akur dengan keputusan dibuat kerajaan, namun kesan yang membimbangkan sehingga boleh membawa kepada perubahan harga tidak dapat dielakkan berikutan kos anak ayam dan dedak yang hanya turun sedikit masih di-anggap terlalu tinggi ketika ini.

"Apabila kos meningkat dan kalau kerajaan tidak masuk campur terutama dengan harga anak ayam dikuasai oleh kartel besar, penternak kecil dan sederhana ini akan terkesan. Penternak akan risau untuk masuk anak ayam di ladang, jadi pengeluaran ayam akan terjejas.



PELADANG, penternak, pemborong, peruncit dan pengguna sukar menjangkakan apa yang akan berlaku dalam tempoh terdekat selepas kerajaan menamatkan subsidi ayam berkuat kuasa hari ini.

"Pengeluaran mungkin terjejas selepas November ini kerana selepas subsidi ditamatkan akan ada penternak yang mengurangkan kemasukan anak ayam antara 10 hingga 20 peratus keti-ka ini," katanya ketika dihubun- gi semalam.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan,

Sementara itu, Persatuan Pengguna Kedah (Caké) menyifatkan tindakan kerajaan mengapung-kan harga ayam bermula esok sebagai terlalu drastik dan tidak sesuai waktunya.

Menurut Pengerusinya, Mohamad Yusrizal Yusoff, tindakan itu dikhuatiri mengakibatkan kenaikan harga sumber protein itu di pasaran ekoran permintaan yang dijangka ting- gi menjelang musim perayaan seperti Deepavali dan cuti se- kolah hujung tahun ini.

"Kerisauan pengguna harga barang akan naik sedikit demi sedikit disebabkan penternak atau pemborong berkemung- kinan mengambil kesempatan. Sekarang hujung tahun, per- mintaan ayam selalunya tinggi kerana cuti sekolah dan musim perkahwinan.

"Beberapa hari lagi akan tiba Deepavali, jadi sudah satu ke- biasaan dalam hukum pasaran apabila permintaan tinggi harga ayam akan turut tinggi. Kita jang- ka pesta kenaikan harga ayam akan berlaku dan pengguna akan menerima kesannya," katanya.

Tambah beliau, Caké memini- ta agensi penguatkuasaan ber- ta agensi untuk memperkasa pemantauan berkaitan bagi me- mastikan kenaikan itu adalah munasabah.

Datuk Seri Mohamad Sabu, ra- sionalisasi daripada tindakan menamatkan subsidi bermula 1 November adalah untuk men- gurangan ketirisan subsidi yang turut dinikmati oleh warga asing dan penduduk berpenda- patan tinggi.

Mazlina pada masa sama me- minta kerajaan mempertimbang- sektor ini," katanya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	6	1 Nov

Penamatan drastik subsidi cetus ketidakstabilan harga

PETALING JAYA: Penamatan subsidi terhadap daging ayam bakal mencetuskan ketidakstabilan harga terhadap ayam di pasaran dalam masa terdekat.

Pakar Ekonomi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Dr. Nur Surayya Mohd Saudi berkata, ini kerana keperluan daging ayam dalam Malaysia adalah bukan sahaja diperolehi daripada sumber tempatan malah juga turut diimport.

Menurutnya, ketiadaan subsidi terhadap ayam tempatan bakal memberi impak terhadap kenaikan harga makanan bagi sektor lain yang menggunakan daging ayam dalam menu mereka.

Katanya, keadaan tersebut terjadi kerana dipengaruhi oleh harga yang dikenakan sama ada tinggi ataupun rendah terhadap daging ayam import, maka akan berlakunya ketidakstabilan har-

ga pada ayam tempatan.

"Justeru itu, buat pada masa ini saya tidak melihat penarikan semula subsidi ayam tidak akan memberi beban langsung terhadap rakyat.

"Peningkatan harga ayam akan menyukarkan rakyat untuk mendapatkan pemilihan makanan asas yang harganya berpatutan dan mampu milik," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, harga ayam yang ditetapkan RM9.40 sekilogram sejak Februari tahun 2022, memudahkan rakyat membuat keputusan dalam mendapatkan sumber protein yang lebih murah jika dibandingkan dengan harga ikan di pasaran.

Jelasnya, harga ayam yang stabil sebelum ini, banyak membantu dalam meningkatkan kesejahteraan ekonomi negara, yang seterusnya boleh mening-

katkan produktiviti industri yang berkaitan dengan daging ayam.

Sehubungan itu, Nur Surayya berkata, peningkatan harga ayam bukan sahaja menjejaskan industri makanan maka juga akan memberi beban terhadap kos perbelanjaan barang dapur bagi seisi rumah.

Justeru, beliau berkata, penarikan subsidi terhadap harga ayam adalah tidak bersesuaian untuk dilaksanakan buat pada masa ini, ekoran keadaan ekonomi masyarakat yang masih dalam fasa pemulihan.

Malah, kata beliau pemberian subsidi tunai kepada golongan B40 dan M40 jika berlakunya kenaikan harga pada ayam dilihat seperti tidak masuk akal.

"Seelok-eloknya, subsidi ayam dikekalkan kerana ayam merupakan makanan ruji masyarakat yang kedua," kata beliau.

Pemborong Jangka Harga Ayam Cecah RM11 Sekilogram

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	6	1 Nov

Pemborong jangka harga ayam cecah RM11 sekilogram

GEORGE TOWN: Pemborong ayam di negeri ini menjangkakan kenaikan harga ayam tidak akan berlaku dengan mendadak meskipun subsidi dan kawalan harga ayam ditamatkan bermula hari ini.

Seorang pemborong ayam, Mohd. Shafi Yaakob berkata, walaupun penamatan subsidi itu diumumkan dalam tempoh singkat, pihaknya menjangka harga ayam tanpa subsidi akan mencecah sekitar RM11 sekilogram.

"Kami ingatkan penamatan subsidi ini bermula tahun depan, kami tidak sangka ia akan berlaku lebih awal.

"Kami telah bersiap sedia dan kami jangka buat permulaan harga ayam tanpa subsidi boleh mencecah RM11 sekilogram," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Mohd Shafi, bagaimanapun harga ayam tanpa

subsidi itu juga bergantung kepada harga margin yang ditetapkan oleh pemilik ladang-ladang yang menternak ayam.

"Jika ladang-ladang tetapkan harga margin yang tinggi boleh jadi harga ayam akan naik tinggi, namun apa pun kita tunggu harga daripada ladang esok," katanya.

Dalam pada itu, dakwa beliau, ladang-ladang ayam beroperasi dalam kerugian kerana kos operasi tidak dapat menampung harga ayam siling ayam yang rendah iaitu RM9.40 sekilogram.

"Kejatuhan ringgit juga memainkan peranan penting kerana dedak serta makanan ayam diimport.

"Bermula esok selepas ketiadaan subsidi, ladang ayam akan mengawal serta memastikan harga ayam stabil mengikut permintaan dan kehendak pasaran," katanya.

Harga Ayam Dijangka Kekal

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

TARIKH

KOSMO

Negara

7

1 Nov

Cake sifatkan tindakan terlalu drastik kerana ada musim perayaan, cuti sekolah 'Masa tidak sesuai apung harga ayam'

Oleh JAMLIH ABDULLAH

ALOR SETAR – Persatuan Pengguna Kedah (Cake) menyifatkan tindakan kerajaan mengapungkan harga ayam bermula hari ini sebagai terlalu drastik dan tidak bersesuaian dengan waktunya.


Kata Pengerusinya, Mohamad Yusrizal Yusoff, tindakan itu dikhuatiri mengakibatkan kenaikan harga barang mentah itu di pasaran ekoran permintaan yang dijangka tinggi menjelang musim perayaan seperti Hari Deepavali dan cuti sekolah hujung tahun ini.

"Langkah kerajaan terlalu drastik dan dilihat tidak bersedia untuk pastikan kestabilan harga ayam. Kerisauan pengguna apabila harga ayam diapungkan, harga barang akan naik sedikit demi sedikit.

"Beberapa hari lagi akan tiba Deepavali, jadi sudah satu kebiasaan dalam hukum pasaran apabila permintaan tinggi harga ayam akan turut tinggi. Kita jangka pesta kenaikan harga ayam berlaku dan pengguna lain akan menerima kesannya," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Terlibat termasuk agensi di bawahnya perlu bersedia untuk memperkasakan pemantauan berkaitan untuk memastikan kenaikan itu adalah munasabah.

"Cake menerima banyak aduan daripada peniaga kecil dan sederhana bahawa kuasa membeli dalam kalangan pengguna semakin kecil setelah kenai-



PENIAGA runcit meramalkan harga ayam tetap sama selepas subsidi ditamatkan mulai hari ini kerana bekalan makanan itu banyak di pasaran. – GAMBAR HIASAN



KERATAN muka depan Kosmo! semalam.

kan harga beras import. Adakah bila berlaku kenaikan harga ayam nanti, perkara sama berlaku?

"Banyak pengguna terutama yang bekerja tidak ada peluang

masak dan makan di rumah jadi mereka akan makan di luar sahaja. Ini akan membebankan mereka," katanya.

Sebelum ini kerajaan mengu-

mumkan penamatan subsidi dan harga kawalan bagi ayam sepenuhnya bermula hari ini.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, rasionalisasi daripada tindakan itu adalah untuk mengurangkan ketirisan subsidi yang turut dinikmati oleh warga asing dan penduduk berpendapatan tinggi.

Dalam perkembangan lain, menurut penternak Mazlina Kamarudin yang juga Pengarah Urusan Ayam Bismi Sdn. Bhd. (Ayam Bismi), pihaknya sendiri melahirkan kebimbangan dengan tindakan kerajaan menamatkan subsidi ayam kerana dikhuatiri membunuh penternak kecil dan

sedehana yang masih bergelut dengan kos ternakan yang tinggi.

"Kami akur dengan keputusan kerajaan, namun sesuatu yang membimbangkan adalah kesan kepada penternak kecil dan sederhana kerana kos anak ayam dan dedak masih tinggi walaupun turun sikit saja.

"Apabila berlaku peningkatan kos ini dan kalau kerajaan tidak masuk campur terutama harga anak ayam yang dikuasai kartel besar, penternak kecil dan sederhana ini akan terkesan. Penternak ini akan takut masuk anak ayam di ladang, jadi pengeluaran ayam akan terjejas," katanya.

Beliau menambah, pihaknya menjangkakan berlaku pengurangan bekalan ayam dalam tempoh sebulan ekoran tindakan penternak mengambil sikap berhati-hati untuk membawa masuk anak ayam ke ladang.

"Pengeluaran mungkin terjejas selepas November kerana selepas subsidi ditamatkan akan ada penternak yang mengurangkan kemasukan anak ayam antara 10 hingga 20 peratus ketika ini," katanya.

Beliau pada masa sama meminta kerajaan mempertimbangkan untuk mengekalkan harga ayam tanpa kawalan itu termasuk pada musim perayaan.

"Kita mohon daripada kerajaan kalau harga diapungkan, biarlah selamanya tidak kira musim perayaan kerana penternak kecil dan sederhana ini terpaksa bersaing dengan pemain gergasi dalam sektor ini," katanya.

Jangan risau harga tidak naik, ayam banyak – Peniaga

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA dan ROHANA MOHD.NAWI

PETALING JAYA – Harga ayam proses yang dijual di pasaran akan tetap rendah dan stabil walaupun subsidi bagi ayam akan ditamatkan sepenuhnya bermula hari ini.

Keadaan itu berikutan lambakan ayam yang banyak di pasaran tidak seperti kebiasaan ketika berlaku krisis bekalan.

Seorang peruncit ayam di Kota Bharu, Kelantan, Mohamad Dinie Ariff Mohamad Nordin, 33, berkata, lambakan ayam sejak sebelum lalu menyebabkan ramai peniaga tidak mahu menaikkan harga jualan sehingga ke harga siling iaitu RM9.40 sekilogram.

Jelasnya, selepas subsidi ditamatkan, dia percaya peniaga ayam tiada kemampuan untuk menaikkan harga bahan mentah itu kerana berlaku lambakan ter-



AYAM proses yang dijual di premis milik Mohamad Dinie Ariff di Peringat, Kota Bharu semalam.

nakan di ladang-ladang utama di Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

"Berikutan banyak bekalan ayam ketika ini, saya jual ayam

proses harga antara RM7.50 hingga RM8 sekilogram.

"Saya tidak berani untuk menaikkan harga jualan kerana

khuatir pelanggan lari. Ditambah pula bekalan ayam banyak ketika ini," katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Mohamad Dinie Ariff memberitahu, keadaan itu juga menyebabkan jualan ayamnya ketika ini menurun daripada 4,000 ekor kepada 2,000 ekor sehari.

Ujarnya, difahamkan pemilik ladang terpaksa memanggil pemborong membeli ternakan mereka selepas perlu menanggung kerugian besar apabila berlaku lambakan ayam di beberapa negeri.

Di Melaka, seorang peniaga di Pasar Awam Bachang, Ghazali Abu Bakar, 59, pihaknya yakin harga ayam akan kekal seperti biasa susulan kini jumlah bekalan ayam adalah mencukupi.

Jelasnya lagi, kini rata-rata peniaga juga hanya mengambil bekalan ayam hidup dan melakukan proses penyembelihan sendiri bagi mengurangkan kos

daripada peladang.

"Dahulu, harga ayam naik kerana kita kekurangan bekalan ayam. Kini, bekalan ayam telah kembali normal dan harga juga seperti biasa, memang tidak ada masalah atau desas-desus kenaikan harga.

"Kalau peladang mempunyai ternakan atau bekalan banyak mereka akan turunkan harga, kita juga turunkan harga runcit seperti minggu ini ayam dijual pada RM8.90 sekilogram," katanya ketika ditemui pemberita, semalam.

Seorang lagi peniaga, Ahmad Bakhtiar Omar, 38, memberi jaminan harga ayam tidak akan alami kenaikan selepas kerajaan mengapungkan bahan mentah itu.

"Harga tidak akan naik, kami peniaga pun bersaing sesama sendiri, dekat pasar ini pun ada lebih 20 peniaga kalau jual mahal memang orang tak nak beli," ujarnya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	18	1 Nov

Situasi menang-menang untung peniaga, pengguna

Pada Isnin, kerajaan telah mengumumkan penarikan subsidi ayam dan banyak pihak yang memberi reaksi berhubung perkara itu.

Ada yang khuatir dan bimbang dengan situasi tersebut tetapi jika dilihat dari sudut positif, itu adalah keputusan bijak kerana matlamat utamanya untuk menangani isu ketirisan subsidi yang kini turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

Saya percaya sebelum kerajaan membuat keputusan ini, pelbagai faktor penting sudah diambil kira dalam memastikan kesemua pihak yang terlibat tidak terbebani.

Untuk rekod, sejak Februari 2022, kerajaan telah menanggung sebanyak RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam.

Jika pemberian subsidi ayam ini diturunkan, penternak memperoleh subsidi berdasarkan pengeluaran tetapi kerajaan perlu menanggung peruntukan subsidi yang besar.

Tetapi pengguna sebenarnya tidak mendapat kesan secara langsung kerana subsidi ayam diberikan secara terus oleh kerajaan kepada penternak.

Dengan penarikan subsidi ini, kerajaan dapat berjimat sebanyak RM100 juta sebulan dan peruntukan ini dapat digunakan untuk pelbagai inisiatif sosio-ekonomi termasuk pemberian bantuan tunai.

Secara logiknya, harga ayam akan ditentukan oleh pasaran dan secara langsung ia dapat mewujudkan persaingan sihat antara peniaga dalam memberikan harga terbaik kepada pengguna.

Dalam erti kata lain, 'situasi menang-menang' perlu diamalkan oleh semua pihak. Dengan itu, harga ayam di pasaran juga dapat dikekalkan pada harga yang munasabah tanpa membebbankan sesiapa.

Sudah tentu peniaga juga tidak mahu menanggung kerugian sekiranya meletakkan harga ayam pada harga kayangan.

Kesudahannya, mereka juga yang berputih mata dan rugi kerana akhirnya sumber protein utama negara itu akan rosak begitu saja tanpa ada yang membelinya.

Tetapi perlu diingat, apa pun langkah yang diambil, perlu dikuatkuasakan undang-undang perlu dilaksanakan dengan lebih tegas selain memastikan bekalan di



Kerajaan memberi jaminan tidak akan berfaku kenaikan harga ayam secara mendadak susulan langkah penamatan subsidi dan kawalan harga ayam berkuat kuasa hari ini.

lebih kompetitif dan tidak membebankan rakyat.

Yang pasti, jangan biarkan pengguna merana tetapi peniaga pula kaya-raya disebabkan penarikan subsidi ini.

pasaran sentiasa mencukupi.

Selain itu, kerajaan juga perlu meluaskan lagi penganjuran Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah di seluruh negara termasuk pasar raya besar bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat melalui harga jualan ayam yang

- RAKYAT MARHAEN, Kuala Lumpur

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	18	1 Nov

Situasi menang-menang untung peniaga, pengguna

Pada Isnin, kerajaan telah mengumumkan penarikan subsidi ayam dan banyak pihak yang memberi reaksi berhubung perkara itu.

Ada yang khuatir dan bimbang dengan situasi tersebut tetapi jika dilihat dari sudut positif, itu adalah keputusan bijak kerana matlamat utamanya untuk menangani isu ketirisan subsidi yang kini turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

Saya percaya sebelum kerajaan membuat keputusan ini, pelbagai faktor penting sudah diambil kira dalam memastikan kesemua pihak yang terlibat tidak terbebani.

Untuk rekod, sejak Februari 2022, kerajaan telah menanggung sebanyak RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam.

Jika pemberian subsidi ayam ini diturunkan, penternak memperoleh subsidi berdasarkan pengeluaran tetapi kerajaan perlu menanggung peruntukan subsidi yang besar.

Tetapi pengguna sebenarnya tidak mendapat kesan secara langsung kerana subsidi ayam diberikan secara terus oleh kerajaan kepada penternak.

Dengan penarikan subsidi ini, kerajaan dapat berjimat sebanyak RM100 juta sebulan dan peruntukan ini dapat digunakan untuk pelbagai inisiatif sosio-ekonomi termasuk pemberian bantuan tunai.

Secara logiknya, harga ayam akan ditentukan oleh pasaran dan secara langsung ia dapat mewujudkan persaingan sihat antara peniaga dalam memberikan harga terbaik kepada pengguna.

Dalam erti kata lain, 'situasi menang-menang' perlu diamalkan oleh semua pihak. Dengan itu, harga ayam di pasaran juga dapat dikekalkan pada harga yang munasabah tanpa membebbankan sesiapa.

Sudah tentu peniaga juga tidak mahu menanggung kerugian sekiranya meletakkan harga ayam pada harga kayangan.

Kesudahannya, mereka juga yang berputih mata dan rugi kerana akhirnya sumber protein utama negara itu akan rosak begitu saja tanpa ada yang membelinya.

Tetapi perlu diingat, apa pun langkah yang diambil, perlu dikuatkuasakan undang-undang perlu dilaksanakan dengan lebih tegas selain memastikan bekalan di



Kerajaan memberi jaminan tidak akan berfaku kenaikan harga ayam secara mendadak susulan langkah penamatan subsidi dan kawalan harga ayam berkuat kuasa hari ini.

lebih kompetitif dan tidak membebankan rakyat.

Yang pasti, jangan biarkan pengguna merana tetapi peniaga pula kaya-raya disebabkan penarikan subsidi ini.

pasarannya sentiasa mencukupi.

Selain itu, kerajaan juga perlu meluaskan lagi penganjuran Jualan Agro Madani dan Jualan Rahmah di seluruh negara termasuk pasar raya besar bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat melalui harga jualan ayam yang

- RAKYAT MARHAEN, Kuala Lumpur



MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	20	1 Nov

Agrobank sedia dana bantu penternak tambah bekalan

Bekerjasama dengan KPKM sedia pembiayaan modal kerja dan tetap kepada penternak kecil, sederhana

Oleh **DIANA AZIS SHAH ALAM**

Agrobank menyediakan dana pembiayaan sehingga RM350,000 khusus kepada penternak komuniti dan mikro di samping pembiayaan sehingga RM5 juta kepada penternak kecil dan sederhana.



TENGGU AHMAD BADLI SHAH

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menyediakan pembiayaan modal tetap kepada penternak kecil dan sederhana, serta Skim Mikro Kredit dalam bentuk pembiayaan modal pusingan buat penternak komuniti.

Beliau menjelaskan, pembiayaan tersebut termasuk transformasi daripada reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup.

"Dengan margin sehingga 90 peratus bagi tempoh pembiayaan sehingga sembilan tahun, penternak komuniti dan mikro serta penternak kecil dan sederhana masing-masing bakal menikmati kadar keuntungan sehingga tiga peratus setahun mengikut baki bulanan.

"Mata mat program ini untuk meningkatkan akses bekalan ayam secara terus daripada penternak kepada pemborong dan peruncit di pasaran.

"Program ini juga membolehkan pengusaha beralih kepada teknik pemeliharaan yang lebih cekap dan secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti ladang, mengurangkan kos pengeluaran selain harga ayam ber-



Pembiayaan disediakan Agrobank membolehkan penternak ayam menambah produktiviti dan mengurangkan kos, seterusnya berupaya menawarkan harga lebih baik kepada pasaran.

kekal stabil dan tidak membebankan rakyat serta tidak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantaian bekalan.

Justeru beliau berkata, pihaknya akan terus memberi

patutan dapat ditawarkan kepada pasaran," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tengku Ahmad Badli Shah menjelaskan, Agrobank berkekdad memastikan status bekalan harga ayam di ladang

kerjasama melalui KPKM bagi memperkasa sektor agromakanan, terutama dalam industri penternakan ayam bagi memastikan peningkatan, ke-mampunan keselamatan serta keterjaminan makanan negara.

Chicken Price May Drop Below RM9.40 Per KG

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	National	6	1 Nov

'Chicken price may drop below RM9.40 per kg'

SERDANG: The price of chicken can be much lower than the previously set controlled price of RM9.40 per kg, even after subsidies and price control are discontinued from today, says Datuk Armizan Mohd Ali.

The acting Domestic Trade and Cost of Living Minister said industry players had assured the government that there would not be a surge in chicken price.

"After implementing it for 20 months, we see that with the industry's assurance, we can float the price of chicken. The industry players have also guaranteed that the supply will be sufficient and they are able to sell it at a lower rate than the controlled price," he told reporters after launching the

Malaysia Competition Commission (MyCC) Open Day here yesterday, Bernama reported.

Earlier, the government had set the ceiling price for chicken at RM9.40 per kg. Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced on Monday that the government had agreed that subsidies and price control for chicken would be fully terminated starting today, while subsidies and price control for grade A, B and C eggs would remain according to the existing mechanism.

Mohamad said the rationale for ending subsidies in bulk for chicken is to reduce subsidy leakage which has been enjoyed by foreigners and the high-income group.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH	Nasional	14	1 Nov

Harga ayam di Johor kembali paras siling

Peniaga ayam segar, Hafizul Mohamad, 42, berkata harga borong ayam segar mula menurun sejak minggu lalu selepas ura-ura penamatan pemberian subsidi dan harga kawalan ayam.

"Beberapa minggu lalu peniaga menerima ayam segar pada harga RM8.50 sekilogram dari pada pemborong dan ia terpaksa dijual sehingga RM10.50 sekilogram kepada pengguna.

"Namun, sejak ura-ura penamatan subsidi dan harga kawalan ayam, harga ayam daripada pemborong turun beransur-ansur sehingga RM7.50 sekilogram semalam berbanding RM8.50 sebelum ini.

"Ia menyebabkan harga ayam segar turun RM1 kepada RM9.40 sekilogram ketika ini. Mulai esok (hari ini) harga ayam segar akan ditentukan pasaran berdasarkan penawaran dan permintaan bahan mentah itu," katanya.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, kerajaan akan menamatkan sepenuhnya pemberi-

Peniaga yakin penamatan subsidi stabilkan harga berikutan bekalan mencukupi

Oleh Mohamed Farid Noh, Mohd Amin Jalli dan Hidayatidayu Razali bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Sehari sebelum penamatan subsidi ayam berkuat kuasa, iaitu bermula hari ini, harga bahan mentah itu di beberapa pasar sekitar negeri ini dilaporkan menurun sehingga kembali ke paras siling iaitu RM9.40 sekilogram.

Penurunan sehingga RMI bagi setiap kilogram berbanding RM10.50 sekilogram sebelum ini dikesan hasil pemantauan di beberapa pasar basah sekitar Lar-kin, Perling, Skudai dan Tam-poi, semalam.



Tinjauan harga ayam mendapati harga turun sehingga RMI bagi setiap kilogram di Larkin, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan)

an subsidi dan harga kawalan bagi ayam bermula hari ini bagi mengurangkan ketirisan subsidi yang ketika ini turut dikurangi oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi.

Jangka harga kekal stabil

Di Seremban, beberapa peniaga menjangkakan penamatan subsidi dan kawalan harga ayam tidak akan menyebabkan kenaikan harga signifikan kepada pengguna.

Pembekal ayam, Zulfadzi Johari, 49, berkata buat masa ini bekalan ayam pada tahap yang baik dan pengusaha tidak berhadapan masalah untuk mendapat bekalan.

Pemborong ayam dari Seremban 2, Razali Musa pula berka-

utama golongan berpendapatan rendah.

Di Kota Bharu, rata-rata peniaga mengakui pengguna seperti boleh menerima keputusan kerajaan untuk mengurangkan harga ayam dan tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati pelanggan datang untuk membeli ayam seperti biasa.

Peniaga, Mohd Anwar Zulkfli, berkata walaupun kerajaan akan menamatkan pemberian subsidi harga ayam, pelanggan tidak panik.

Perkara sama diakui rakus peniaga, Rosmini Mohd Haniffi, sambil berharap harga ayam tidak akan meningkat bertepatan risau ta akan menjelakan kedatangan pelanggan ke kedai miliknya.

Dana Agrobank Pastikan Bekalan Harga Ayam Stabil

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH	Bisnes	15	1 Nov

Dana Agrobank pastikan bekalan harga ayam stabil

Pembiayaan modal sehingga RM5 juta bagi membantu penternak

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Agrobank serius untuk memastikan status bekalan harga ayam di ladang berada dalam keadaan stabil dan tidak membebankan rakyat serta tidak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantaian bekalan.

Ia susulan pendekatan penyusunan semula subsidi secara berfasa bagi penamatan subsidi dan kawalan harga ayam bermula hari ini yang diumumkan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Sehubungan itu, Agrobank proaktif menyediakan dana pembiayaan sehingga RM350,000 untuk penternak komuniti dan mikro, manakala dana pembiayaan sehingga RM5 juta turut disediakan untuk penternak kecil dan sederhana.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata Agrobank sentiasa komited untuk bekerjasama dengan KPKM dalam mencapai agenda kerajaan melalui pembiayaan modal kerja dan modal tetap kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana serta Skim Mikro Kredit dalam



Kerajaan memberi jaminan bahawa penjualan ayam akan berada di bawah harga siling selepas subsidi dan kawalan ditamatkan sepenuhnya hari ini. (Foto hiasan)

bentuk pembiayaan modal pusingan buat penternak komuniti.

"Pembiayaan ini termasuk transformasi daripada reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, dengan margin sehingga 90 peratus bagi tempoh pembiayaan sehingga sembilan tahun, penternak komuniti dan mikro serta penternak kecil dan sederhana bakal menikmati kadar keuntungan sehingga tiga peratus setahun mengikut baki bulanan.

"Matlamat program ini antara lain adalah untuk meningkatkan akses bekalan ayam secara terus daripada penternak kepada pemborong dan peruncit di pasaran.

"Program ini juga membolehkan pengusaha beralih kepada teknik pemeliharaan lebih cekap, yang mana ia

secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti ladang, mengurangkan kos pengeluaran dan akhirnya harga ayam berpautan dapat ditawarkan kepada pasaran," katanya.

Komitmen Agrobank

Beliau berkata, Agrobank akan terus memberikan komitmen padu dan kerjasama erat dengan kerajaan melalui KPKM bagi memperka-

sa sektor agromakanan terutama dalam industri penternakan ayam di Malaysia demi peningkatan dan kemampunan keselamatan dan keterjaminan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, bagaimanapun berkata subsidi dan kawalan harga bagi telur ayam gred A, B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.

Beliau berkata, penamatan subsidi ayam mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam sudah mulai stabil.

"Penamatan harga kawalan ayam menyokong kemampunan industri pengeluaran ayam tempatan, selain dapat meningkatkan pelbagai inisiatif sosioekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

"Kerajaan akan memastikan harga jualan bagi ayam yang dipungkan akan terus berada pada kadar munasabah. Kalau naik mendadak, kita akan tanya kenapa, sebab bekalannya cukup," katanya pada satu sidang media, kelmarin.

Agrobank sentiasa komited untuk bekerjasama dengan KPKM dalam mencapai agenda kerajaan melalui pembiayaan modal kerja dan modal tetap kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana



Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin,
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank

Agrobank Sedia Dana RM350,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MyMetro	Bisnes	Online	1 Nov



TENGGU Ahmad Badli Shah.

AGROBANK menyediakan dana pembiayaan sehingga RM350,000 untuk penternak komuniti dan mikro, manakala dana pembiayaan sehingga RM5 juta turut disediakan buat penternak kecil dan sederhana.

Langkah berkenaan diambil selaras pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa bagi penamatan subsidi dan kawalan harga ayam bermula hari ini yang diumumkan kerajaan melalui Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM).

Sehubungan itu, Agrobank memandang serius dalam memastikan status bekalan harga ayam di ladang berada dalam keadaan stabil dan tidak membebankan rakyat serta tidak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantai bekalan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank sentiasa komited untuk bekerjasama dengan KPKM dalam mencapai agenda kerajaan melalui pembiayaan modal kerja dan

modal tetap kepada penternak bersaiz kecil dan sederhana serta Skim Mikro Kredit dalam bentuk pembiayaan modal pusingan buat penternak komuniti.

"Pembiayaan ini termasuk transformasi daripada reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup.

"Dengan margin sehingga 90 peratus bagi tempoh pembiayaan sehingga sembilan tahun, penternak komuniti dan mikro serta penternak kecil dan sederhana masing-masing bakal menikmati kadar keuntungan sehingga 3.0 peratus setahun mengikut baki bulanan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, matlamat program ini antara lain adalah untuk meningkatkan akses bekalan ayam secara terus daripada penternak kepada pemborong dan peruncit di pasaran.

"Program ini juga membolehkan pengusaha untuk beralih kepada teknik pemeliharaan yang lebih cekap, yang mana ia secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti ladang, mengurangkan kos pengeluaran dan akhirnya harga ayam yang berpatutan dapat ditawarkan kepada pasaran," katanya.-[MyMetro](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR